IKLAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK (PTNPK)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

RENJER KOMUNITI
TARAF: ***Contract for Service (Projek Yayasan Sime Darby)***
BILANGAN: Empat (4) Kekosongan – Taman Negeri Royal Belum
BAYARAN PERKHIDMATAN: RM2,500.00

*** Pemohon juga boleh diarahkan bertugas di mana-mana dalam apa juga keadaan seperti bertugas dan menetap dalam persekitaran hutan serta berjauhan dengan keluarga terdekat

SYARAT LANTIKAN & KELAYAKAN

a) Calon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:
- Memiliki kelayakan akademik yang bersesuaian **ATAU** pengalaman kerja dan kemahiran teknikal yang relevan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Perbadanan Taman Negeri Perak.
- Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, pemantauan konservasi dan penglibatan komuniti di Taman Negeri Royal Belum antaranya:

- Melaksanakan rondaan, pemantauan dan aktiviti pencegahan penguatkuasaan di kawasan Taman Negeri Royal Belum.
- Mengesan dan melaporkan tanda-tanda pemburuan haram, jerat pencerobohan, aktiviti mencurigakan serta ancaman terhadap hidupan liar.
- Merekod penemuan spesies, tanda kehadiran hidupan liar ancaman dan perubahan kepada habitat hidupan liar.
- Mengendalikan kamerap trap
- Mengumpul, merekod dan mengemas kini data rondaan serta penemuan lapangan di dalam sistem SMART dan penyediaan SMART Report.
- Membantu operasi di Pos Kawalan Renjer, jeti, kawasan tumpuan pelancongan dan laluan strategik.
- Membantu pemeriksaan bot, rumah bot dan kawasan operasi.

- Membantu melaksanakan aktiviti konservasi termasuk pemulihan habitat, pengayaan habitat, mempertingkat sumber makanan harimau dan lain-lain.
- Membantu Ketua Unit Penguatkuasaan mengurus dan memantau aktiviti penguatkuasaan dan konservasi serta pengurusan perancangan operasi, laporan rondaan, aset, peralatan dan keperluan logistik.
- Membantu program libat urus, kesedaran dan pendidikan konservasi bersama komuniti.
- Membantu pelaksanaan kajian, penyelidikan, pelancongan dan aktiviti jabatan.
- Membantu membina hubungan strategik dengan pihak-pihak berkepentingan.
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua/Penyelia unit.

KELAYAKAN, KUALITI DAN CIRI-CIRI PERIBADI

- Lulus Ujian Kecergasan (sekiranya ada);
- Umur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Mempunyai minat yang mendalam dalam alam sekitar/ konservasi, hidupan liar/ pengurusan kawasan perlindungan.
- Mempunyai kekuatan mental dan fizikal untuk melakukan tugas di lapangan.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran komunikasi berkesan, pemikiran strategik dan inovatif, berintegriti dan amanah, mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan, proaktif dan sentiasa berusaha.
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana.
- Taraf kesihatan - sihat, tidak cacat anggota badan, tidak mempunyai penyakit kronik.

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang https://digital.perak.my/perjawatan
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses dan calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  Unit Pengurusan Sumber Manusia
  Perbadanan Taman Negeri Perak
  No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
  Pusat Perniagaan Lang Indah
  30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
  Tel : 05-5430102

Tarikh tutup permohonan adalah pada:
26 November 2026 (Khamis) jam 11.59 malam